

# PENGUMUMAN

## BARANGAN YANG DILARANG DAN BERBAHAYA UNTUK PENGEPOSAN

Bagi mematuhi peraturan dan amalan terbaik dalam negara dan antarabangsa untuk pengendali pos dan kurier, dan menurut Peraturan Pejabat Pos 1947, yang menentukan pengendalian dan/atau penghantaran barangan pengeposan, adalah salah di sisi undang-undang untuk menggunakan rangkaian Pos Malaysia untuk menghantar barangan larangan dan berbahaya.

Pelanggan juga dinasihatkan untuk mematuhi perkara-perkara di bawah bagi mengelakkan sebarang kesulitan :

| Keperluan                           | Butiran  |
|-------------------------------------|--|
| Pengisytiharan Kandungan Pengeposan | Pelanggan perlu mengisytiharkan <b>kandungan pengeposan dan nilai sebenar</b> kandungan dengan lengkap dan sah                               |
| Pembungkusan                        | Pelanggan perlu memastikan item yang dikirim telah <b>dibungkus atau dibalut dengan sempurna, selamat</b> dan memenuhi ciri-ciri keselamatan |

Pos Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas tuntutan kelewatan sekiranya item ditangguhkan, ditahan, dipulangkan kepada pengirim, atau tidak diproses kepada penerima kerana mengandungi isi kandungan yang berbahaya atau dilarang.

Sila rujuk Panduan Barangan Berbahaya dan Panduan Barangan yang Dilarang untuk Pengeposan di [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) atau untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi 1-300-300-300.